

02 APR 2002

Mahathir-Ekonomi

M'SIA MAMPU CAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI LEBIH MENGGALAKKAN TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara mampu mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih menggalakkan tahun ini ekoran pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan tahun lepas.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata untuk memastikan pertumbuhan berterusan bagi tahun lepas kerajaan mengumumkan pakej rangsangan fiskal sebanyak RM3 bilion pada Mac dan RM4.3 bilion pada September.

"Dengan melaksanakan kedua-dua pakej ini, sektor awam telah memainkan peranan utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi," katanya ketika menjawab soalan Datuk Railey Jeffrey (BN-Silam) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata pelaksanaan rangsangan fiskal itu telah dapat membantu meningkatkan perbelanjaan dan permintaan dalam negeri terutamanya penggunaan swasta yang terus bertambah sebanyak 2.8 peratus tahun lepas.

Sektor pembinaan pula meningkat lebih sekali ganda daripada satu peratus pada tahun 2000 manakala industri pembuatan yang keluarannya berkait dengan bahan binaan meningkat antara 4.7 peratus dengan 12.5 peratus.

"Pelaksanaan projek rangsangan itu telah memberi keuntungan terutama kepada kontraktor kecil tempatan, bumiputera dan bukan bumiputera dan kepada rakyat dan penduduk luar bandar," katanya.

Pakej rangsangan itu terdiri daripada program kesejahteraan rakyat sebanyak RM1.8 bilion, program sekolah dan universiti RM1.3 bilion, program meningkatkan usahawan RM1.2 bilion, program projek kecil RM1.1 bilion, pembinaan kuarters kerajaan RM970 juta dan projek lain sebanyak RM865 juta.

Program kesejahteraan rakyat meliputi bantuan subsidi untuk penanaman semula kelapa sawit, program latihan untuk pekerja yang diberhentikan, serta bayaran elaun bagi siswazah yang menyertai program penempatan sementara untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya mudah mendapat pekerjaan kelak.

Dr Mahathir berkata sebanyak RM1,100 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 26,577 projek kecil di seluruh negara.

Projek berkenaan termasuk pembinaan jalan kecil dan penurapan jalan dengan tar, pembinaan jambatan, longkang dan pusat penjaja, pembinaan kuarters kakitangan angkatan bersenjata, penyenggaraan kuarters dan bangunan kerajaan lain, katanya.

Menjawab soalan tambahan Railey yang ingin tahu sama ada pencapaian 99.6 peratus perbelanjaan pembangunan tahun lepas adalah termasuk dalam pakej rangsangan berkenaan, Dr Mahathir berkata berikutan satu "tindakan istimewa" yang diambil kerajaan tahun lepas, hampir semua projek atau 99.6 peratus daripada peruntukan untuk projek bagi semua kementerian telah dapat dilaksanakan.

Beliau berkata ini tidak seperti tahun-tahun yang sebelumnya apabila peruntukan yang diberikan tidak dihabiskan dan banyak projek terbengkalai.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) sama ada pakej rangsangan sedemikian akan terus dilaksanakan bagi menggerakkan ekonomi negara berikutan ekonomi dunia yang masih tidak menentu, Perdana Menteri berkata:

"Apabila kita mampu dan ada duit yang cukup kita akan belanja untuk kebaikan rakyat dan membangunkan negara."

Ketika menjawab soalan tambahan Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) sama ada kerajaan akan meneruskan pakej rangsangan atau melaksanakan perancangan baru bagi menarik pelabur asing berikutan dakwaan yang pelabur dalam negeri tidak melabur manakala pelabur asing pula tidak lagi datang melabur, Dr Mahathir mahu Abdul Rahman membuktikan terlebih dahulu dakwaan kononnya pelabur asing tidak lagi melabur di Malaysia dengan memberi angka dan jumlah pelaburan yang terbabit.

-- BERNAMA

HS HS NMO